

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN MEDIA

MURID YANG TERCEDERA INSIDEN TIKAM SEDANG DIRAWAT DI HOSPITAL, SUSPEK KEJADIAN TELAH DITAHAN POLIS

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor ingin memaklumkan satu insiden tikam telah berlaku di sebuah sekolah di sini pada hari ini.

Murid yang tercedera dalam insiden ini sedang mendapatkan rawatan di hospital. Manakala suspek kes ini pula telah ditahan oleh pihak Polis. JPN Selangor memberi kerjasama penuh terhadap proses siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.

Tumpuan utama pada ketika ini adalah untuk memastikan murid yang tercedera mendapat rawatan terbaik dan bantuan diberi kepada keluarga.

Pasukan kaunselor dan Guru Bimbingan dan Kaunseling telah digerakkan untuk melaksanakan intervensi sokongan psikososial kepada murid, guru dan seluruh warga sekolah tersebut.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat yang tidak sahih yang boleh mengganggu proses siasatan.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
6 JULAI 2026**